



NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 47
No. 1

2hb Januari 2003

*TAMBAHAN No. 1
PERUNDANGAN*

M. P.U. 1.

**ENAKMEN PENGAWALAN SEKOLAH-
SEKOLAH AGAMA ISLAM
(MELAKA) 2002**

**PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN
SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM (MELAKA) 2003**

SUSUNAN PERATURAN

Peraturan

1. Nama.
2. Tafsiran.
3. Permohonan pendaftaran.
4. Perakuan pendaftaran.
5. Pendaftaran berasingan bagi setiap peringkat sekolah.
6. Daftar sekolah agama.
7. Pertukaran alamat premis sekolah agama.

Peraturan

8. Pengendorsan ke atas perakuan pendaftaran atau pengeluaran perakuan pendaftaran baru.
9. Salinan perakuan.
10. Yuran sekolah dan bayaran lain
11. Akaun Sekolah Agama hendaklah diaudit.

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

ENAKMEN PENGAWALAN SEKOLAH-SEKOLAH
AGAMA ISLAM (MELAKA) 2002

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN SEKOLAH-SEKOLAH
AGAMA ISLAM (MELAKA) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 38 Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Melaka) 2002 [*Enakmen No. 3 tahun 2002*], Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Majlis Agama Islam Melaka, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pendaftaran Sekolah-Sekolah Agama Islam (Melaka) 2003**. Nama.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“daftar” ertinya suatu daftar yang disenggarakan oleh Pendaftar di bawah peraturan 6;

“Jemaah” ertinya Jemaah Pengurusan Sekolah Agama Islam yang ditubuhkan di bawah seksyen 12 Enakmen;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar yang dilantik di bawah seksyen 3 Enakmen;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Jemaah Pengurusan Sekolah Agama Islam;

“perakuan pendaftaran” ertinya suatu perakuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah peraturan 4;

“sekolah agama” mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh Enakmen.

3. (1) Mana-mana orang yang ingin menubuhkan atau menyenggarakan sesuatu sekolah agama hendaklah memohon kepada Pendaftar untuk mendaftarkan sekolah agama itu dengan mengemukakan kepada Pendaftar dokumen-dokumen yang berikut: Permohonan pendaftaran.

- (a) suatu permohonan pendaftaran dalam Borang A Jadual Pertama dengan apa-apa ubahsuaian yang perlu untuk menunjukkan sama ada permohonan itu adalah bagi pendaftaran suatu sekolah agama yang sedia ada atau yang dicadangkan;
- (b) suatu surat cara pengurusan sekolah itu dalam Borang B Jadual Pertama dengan apa-apa ubahsuaian yang perlu atau sesuai dengan mana-mana sekolah yang tertentu;
- (c) suatu senarai anggota Jemaah dalam Borang C Jadual Pertama dalam dua salinan yang hendaklah ditandatangani oleh semua anggota Jemaah; dan

(d) fi yang berkenaan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Pendaftar hendaklah mengaku terima secara bertulis tiap-tiap permohonan yang dibuat kepadanya dan hendaklah mengeluarkan suatu resit bagi fi yang dibayar.

(3) Seseorang yang membuat permohonan di bawah peraturan ini hendaklah memberi Pendaftar apa-apa maklumat atau dokumen berkenaan dengan permohonan itu jika dikehendaki sedemikian oleh Pendaftar.

(4) Pendaftar boleh meminta supaya permohonan yang dikemukakan di bawah subperaturan (1) dipinda atau dilengkapkan jika—

(a) Borang A Jadual Pertama tidak dilengkapkan dengan sempurna disebabkan oleh apa-apa peninggalan atau salah perihalan;

(b) Borang A Jadual Pertama mengandungi kesalahan atau perubahan;

(c) surat cara pengurusan tidak disediakan dengan sepatutnya atau kandungannya tidak mencukupi; atau

(d) permohonan itu tidak mematuhi apa-apa keperluan yang dinyatakan.

Perakuan
pendaftaran.

4. Apabila permohonan bagi pendaftaran yang dibuat dengan sewajarnya menurut Peraturan-Peraturan ini diluluskan, maka Pendaftar hendaklah mendaftarkan dengan segera sekolah agama itu dan surat cara pengurusannya dan mengeluarkan perakuan pendaftaran dalam Borang D Jadual Pertama.

Pendaftaran
berasingan bagi
setiap peringkat
sekolah.

5. Melainkan jika dikehendaki selainnya oleh Pendaftar, setiap peringkat persekolahan yang dijalankan di premis yang sama sesuatu sekolah agama hendaklah didaftarkan secara berasingan.

Daftar sekolah
agama.

6. (1) Pendaftar hendaklah menyimpan suatu daftar berhubung dengan pendaftaran semua sekolah agama mengikut bentuk yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(2) Apa-apa perubahan atau pindaan berkenaan dengan apa-apa catatan dalam sesuatu daftar yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah ditandatangani oleh atau mengikut arahan Pendaftar.

Pertukaran alamat
premis sekolah
agama.

7. (1) Permohonan untuk kelulusan untuk menukar alamat premis sekolah agama atau membuat apa-apa perubahan kepada premis itu hendaklah dibuat kepada Pendaftar dalam tempoh tidak kurang daripada tiga bulan sebelum pertukaran alamat atau perubahan kepada premis itu dilakukan.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat dalam Borang E Jadual Pertama dan hendaklah disertakan dengan fi yang berkenaan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

8. (1) Apabila Pendaftar telah meluluskan permohonan untuk menukar alamat premis atau membuat apa-apa perubahan kepada premis sesuatu sekolah agama, Pengerusi atau mana-mana orang lain yang bertanggungjawab ke atas sekolah agama itu hendaklah menyerahkan kepada Pendaftar perakuan pendaftaran sekolah agama itu bagi maksud—

Pengendorsan ke atas perakuan pendaftaran atau pengeluaran perakuan pendaftaran baru.

(a) mengendorskan di atas perakuan itu alamat baru premis sekolah agama itu atau perubahan yang telah dibuat ke atas sekolah agama itu; atau

(b) mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran yang baru kepadanya, sebagaimana yang difikirkan sesuai atau perlu oleh Pendaftar.

(2) Tiada perubahan, pindaan atau catatan boleh dibuat kepada sesuatu perakuan pendaftaran kecuali dengan kebenaran Pendaftar.

9. (1) Pendaftar boleh mengeluarkan suatu salinan perakuan pendaftaran untuk menggantikan perakuan pendaftaran yang hilang atau musnah apabila menerima permohonan dalam Borang F Jadual Pertama.

Salinan perakuan.

(2) Permohonan untuk mendapatkan salinan suatu perakuan pendaftaran hendaklah disertakan dengan fi yang berkenaan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Jika Pendaftar berpuas hati dengan permohonan untuk mendapatkan salinan suatu perakuan pendaftaran, Pendaftar hendaklah mengeluarkan salinan yang sedemikian yang mengandungi perkataan 'GANTIAN' pada salinan perakuan itu.

10. (1) Tiada suatu sekolah agama pun boleh mengutip apa-apa yuran sekolah atau apa-apa bayaran lain daripada mana-mana murid selain yuran sekolah atau bayaran lain yang diluluskan oleh Pendaftar.

Yuran sekolah dan bayaran lain.

(2) Apa-apa perubahan kepada apa-apa yuran sekolah atau bayaran lain yang dikenakan oleh sekolah agama hendaklah mendapat kelulusan bertulis Pendaftar terlebih dahulu.

(3) Senarai yuran sekolah dan bayaran lain yang telah diluluskan oleh Pendaftar hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di premis sekolah agama itu dan hendaklah juga dimasukkan dalam prospektus sekolah agama itu, jika berkaitan.

Akaun Sekolah Agama hendaklah diaudit.

11. Pengerusi atau orang yang bertanggungjawab bagi pengurusan sesuatu sekolah agama—

- (a) hendaklah menyediakan laporan tentang Akaun Sekolah Agama itu dan laporan kewangan tahunan bagi setiap tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun;
- (b) hendaklah memastikan bahawa laporan-laporan yang disebut dalam perenggan (a) diaudit oleh juruaudit yang bertauliah atau yang diluluskan oleh Pendaftar; dan
- (c) hendaklah mengemukakan satu salinan laporan teraudit yang disebut dalam perenggan (b) kepada Pendaftar tidak lewat daripada 31 Mac pada tahun berikutnya sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 17 Enakmen.

JADUAL PERTAMA

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM (MELAKA) 2003

Borang A

(Perenggan 3(1)(a))

PERMOHONAN BAGI PENDAFTARAN SEKOLAH AGAMA ISLAM

Pendaftar
Sekolah Agama Islam
Jabatan Agama Islam Melaka
Melaka

Bersama-sama ini dikemukakan butir-butir mengenai Sekolah Agama Islam yang sedia ada/dicadangkan untuk ditubuhkan (*) di alamat yang dinyatakan dan saya memohon supaya Sekolah Agama ini didaftarkan.

2. Disertakan juga bersama-sama ini fi permohonan seperti yang berikut:

- Tadika Islam RM100.00
- Sekolah Rendah Agama Islam RM150.00
- Sekolah Menengah Agama Islam RM200.00

No. Bank Draf:

Nama Bank:

Alamat Bank:

Saya yang benar,

.....
(Tandatangan Pemohon)

Nama penuh:

No. Kad Pengenalan:

Jawatan:

Tarikh:

* Potong mana-mana yang tidak berkaitan.

BAHAGIAN I

Sila tanda (/) pada kotak-kotak yang berkaitan. Potong (*) mana-mana yang tidak berkaitan.

A. BUTIR-BUTIR PEMOHON

1. Nama Pemohon:

2. Taraf Pemohon:

| | | | |
|--------------------------|-----------------------|--------------------------|---------------------------|
| <input type="checkbox"/> | Individu | <input type="checkbox"/> | Syarikat Sendirian Berhad |
| <input type="checkbox"/> | Pertubuhan/Perbadanan | <input type="checkbox"/> | Lain-lain: |

3. Alamat:

.....

.....Poskod:

No. Telefon:.....No. Faksimile:

E-Mel:

B. BUTIR-BUTIR SEKOLAH AGAMA ISLAM

1. Nama Sekolah Agama Islam:

.....

.....

2. Alamat:

.....

.....Poskod:

No. Telefon: No. Faksimile:

E-Mel:

3. Kedudukan Tapak Bangunan:

Tanah/Bangunan/Premis Wakaf Lain-lain

(Sila kemukakan salinan surat hakmilik tanah yang telah diperakui)

4. Jenis Institusi:

Tadika Sekolah Rendah
 Sekolah Menengah Lain-lain:

5. Bahasa Pengantar:

Bahasa Melayu Bahasa Inggeris
 Bahasa Arab Lain-lain:

6. Kurikulum (sila kemukakan salinan kurikulum yang dicadangkan kecuali jika menggunakan KBSR, KBSM atau kurikulum Jabatan Agama Islam Melaka):

Kebangsaan Negeri Persendirian/
Asing
 Lain-lain:

7. Jenis Pengajian:

Sepenuh Masa Separuh Masa Lain-lain:
.....

8. Pembiayaan:

Kerajaan Bantuan Swasta
Negeri Kerajaan
 Lain-lain:

C. PEMUNYAAN SEKOLAH AGAMA ISLAM

1. Pemunya:

Kerajaan Swasta Wakaf Individu
 Lain-lain:

2. Jika Kerajaan :

Kerajaan Persekutuan Kerajaan Negeri

3. Jika swasta, sila isikan butir-butir yang berikut:

Salinan dokumen yang perlu disertakan

- | | | | |
|--------------------------|---------------------------|--------------------------|--|
| <input type="checkbox"/> | Syarikat Sendirian Berhad | <input type="checkbox"/> | Borang 24 |
| | | <input type="checkbox"/> | Borang 49 |
| | | <input type="checkbox"/> | Memorandum Persatuan dan Artikel Persatuan |
| | | <input type="checkbox"/> | Sijil Pemerbadanan Syarikat |
| | | <input type="checkbox"/> | Penyata Tahunan Syarikat (Terkini) |
| <input type="checkbox"/> | Organisasi Perniagaan | <input type="checkbox"/> | Sijil Pendaftaran |
| | | <input type="checkbox"/> | Penyata Kewangan (Terkini) |
| <input type="checkbox"/> | Organisasi/Pertubuhan | <input type="checkbox"/> | Sijil Pendaftaran Organisasi/Persatuan |
| | | <input type="checkbox"/> | Minit Mesyuarat Agung Tahunan |
| | | <input type="checkbox"/> | Senarai jawatankuasa Organisasi/Pertubuhan |
| <input type="checkbox"/> | Lain-lain: | | |

(Sila sertakan salinan sijil pendaftaran pertubuhan dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan).

4. Jika Wakaf, sila dapatkan maklumat lanjut daripada Lembaga Urusan Zakat dan Baitulmal (LUKMAL), Majlis Agama Islam Melaka:

— Jenis Wakaf:

— Maklumat mengenai Wakaf:

— Kedudukan tanah Wakaf (sila sertakan salinan suratan hakmilik tanah)

5. Jika individu, sila nyatakan:

Nama Pemunya:

No. Kad Pengenalan Pemunya:

Alamat berdaftar Pemunya:

..... Poskod:

No. Telefon: No. Faksimile: No. E-Mel:

No. Pendaftaran:

Tarikh didaftarkan:

(Jika pemohon bukan pemunya berdaftar tanah, maka hendaklah dikemukakan suatu surat aku janji oleh pemunya berdaftar tanah yang menyatakan bahawa tanah itu boleh digunakan bagi maksud sekolah itu dan bahawa sekolah itu bolehlah menikmati penggunaan tanah itu tanpa gangguan selama apa-apa tempoh yang ditetapkan).

D. MAKLUMAT TENTANG PREMIS DAN KEMUDAHAN

Sila pastikan butir-butir yang berikut disertakan bersama:

- (i) Salinan diperakui pelan keseluruhan bangunan;
- (ii) Salinan diperakui perakuan keselamatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat;
- (iii) Salinan diperakui perakuan kesihatan yang dikeluarkan oleh Jabatan kesihatan; dan
- (iv) Salinan diperakui sijil layak menduduki yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

1. Maklumat Premis:

Kampus Kompleks Pejabat Kompleks Membeli Belah

Rumah Kedai Rumah

Lain-lain:

2. Maklumat Pemunyaan:

Pemunya Berdaftar Penyewa

Jika menyewa sila nyatakan:

amaun sewa: RM..... sebulan/setahun*

tarikh mula tempoh penyewaan:

tarikh habis tempoh penyewaan:

nama dan alamat pemunya premis:

.....

.....

(Sila sertakan salinan perjanjian penyewaan)

3. Luas lantai premis:

4. Luas tapak premis:

(Sila sertakan salinan pelan tapak premis)

5. Butir-butir bangunan:

| <i>Bil.</i> | <i>Nama Bangunan/ Blok</i> | <i>Jenis Kegunaan</i> | <i>Bil. Bilik</i> | <i>Luas Lantai</i> |
|-------------|--------------------------------|---------------------------|-------------------|------------------------|
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |

(Sila gunakan kertas berasingan jika ruang yang disediakan tidak mencukupi)

6. Butir-butir mengenai Bilik:

| <i>No. Bilik</i> | <i>Jenis Kegunaan</i> | <i>Ukuran Bilik</i> |
|------------------|-----------------------|---------------------|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

(Sila gunakan kertas berasingan jika ruang yang disediakan tidak mencukupi)

7. Butir-butir mengenai Kemudahan/Kelengkapan:

| <i>No. Bilik</i> | <i>Jenis Kemudahan/ Kelengkapan</i> | <i>Jenis Kegunaan</i> | <i>Jumlah</i> |
|------------------|---|-----------------------|---------------|
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

(Sila gunakan kertas berasingan jika ruang yang disediakan tidak mencukupi)

8. Butir-butir mengenai Kemudahan Rekreasi:

| <i>No. Bilik</i> | <i>Jenis Kemudahan/ Kelengkapan</i> | <i>Kegunaan</i> | <i>Jumlah</i> |
|------------------|---|-----------------|---------------|
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

(Sila gunakan kertas berasingan jika ruang yang disediakan tidak mencukupi)

9. Butir-butir mengenai Kemudahan Lain:

| <i>No. Bilik</i> | <i>Jenis Kemudahan Lain</i> | <i>Kegunaan</i> | <i>Jumlah</i> |
|------------------|-----------------------------|-----------------|---------------|
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

(Sila gunakan kertas berasingan jika ruang yang disediakan tidak mencukupi)

E. PENGURUSAN

1. Nama Pengerusi Jemaah Pengurusan sekolah agama seperti dalam Borang C :

- (a) Nama penuh:.....
- (b) No. Kad Pengenalan/Pasport:.....
- (c) Warganegara:.....Ras:.....
- (d) Profesion:.....
- (e) Kelulusan akademik:.....
- (f) Kelulusan profesional:.....
- (g) Pengalaman dalam bidang pendidikan:.....
- (h) Pengalaman dalam bidang pengurusan:.....

Sila sertakan:

- (i) Vitae kurikulum Pengerusi Jemaah Pengurusan
- (ii) salinan diperakui Sijil/Diploma/Ijazah
- (iii) salinan diperakui Kad Pengenalan/Pasport

2. Nama, No. Kad Pengenalan dan kelayakan Pengetua/Guru Besar/Guru seperti dalam Lampiran 1:

- (a) Nama penuh:
- (b) No. Kad Pengenalan/Pasport:
- (c) Warganegara: Ras:
- (d) Profesion:
- (e) Kelulusan akademik:
- (f) Kelulusan profesional:
- (g) Pengalaman dalam bidang pendidikan:
- (h) Pengalaman dalam bidang pengurusan:

Sila sertakan:

- (i) vitae kurikulum Pengetua/Guru Besar/Guru
- (ii) salinan diperakui surat pelantikan Pengetua/Guru Besar/Guru
- (iii) salinan diperakui Sijil/Diploma/Ijazah Pengetua/Guru Besar/Guru
- (iv) salinan diperakui Kad Pengenalan/Pasport Pengetua/Guru Besar/Guru
- (v) salinan diperakui Permit Mengajar Pengetua/Guru Besar/Guru
- (vi) salinan diperakui Tauliah Mengajar Agama Pengetua/Guru Besar/Guru

3. Maklumat mengenai sumber kewangan seperti dalam Lampiran 2:

- (i) Yuran pendaftaran : RM
- (ii) Yuran Bulanan : RM sebulan
- (iii) Derma orang ramai : RM setahun
- (iv) Lain-lain : RM *sebulan/setahun

F. PENGAKUAN PEMOHON

Kami dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa semua pernyataan yang terkandung dalam borang permohonan ini dan segala dokumen yang disertakan adalah benar sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami.

Tandatangan Pengerusi: Tarikh:

Nama Pengerusi:

Tandatangan Setiausaha: Tarikh:

Nama Setiausaha:

Tandatangan Bendahari: Tarikh:

Nama Bendahari:

BAHAGIAN II

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

Keputusan Pendaftar:

| | |
|--|------------------------------|
| | Diluluskan untuk pendaftaran |
| | Tidak diluluskan |



.....
(Tandatangan Pendaftar)

.....
(Tarikh)

Tindakan:

No. Perakuan
Pendaftaran

Tarikh dikeluarkan

.....
Tandatangan Pegawai

Lampiran 1

SENARAI NAMA, NO. KAD PENGENALAN DAN
KELAYAKAN
PENGETUA/GURU BESAR/GURU SEKOLAH AGAMA
ISLAM

| <i>Bil.</i> | <i>Nama Penuh/ Alamat/ No. Telefon/ No. Faksimile/ E-Mel</i> | <i>No. K.P/ Pasport</i> | <i>Warganegara & Ras</i> | <i>Kelayakan Akademik/ Agama/ Profesional</i> | <i>Pengalaman</i> | <i>Agama/ Mazhab</i> |
|-------------|--|-----------------------------|----------------------------------|---|-------------------|--------------------------|
| | | | | | | |

.....
(Pengerusi).....
(Setiausaha).....
(Bendahari)

Tarikh:

Tarikh:

Tarikh:

Lampiran 2

BUTIR-BUTIR MENGENAI SUMBER KEWANGAN
SEKOLAH AGAMA ISLAM

| <i>Bil.</i> | <i>Jenis Yuran/ Pendapatan</i> | <i>Amaun Yuran (Isikan ruang yang berkenaan sahaja)</i> | | | |
|-------------|------------------------------------|---|---------------------------------------|---------------------|--|
| | | <i>Bulanan (RM)</i> | <i>Semester/ Penggal (RM)</i> | <i>Tahunan (RM)</i> | <i>Keselu- ruhan Kursus (RM)</i> |
| | | | | | |

.....
(Pengerusi)

.....
(Setiausaha)

.....
(Bendahari)

Tarikh:

Tarikh:

Tarikh:

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN SEKOLAH-
SEKOLAH AGAMA ISLAM (MELAKA) 2003

Borang B

(Perenggan 3(1)(b))

SURAT CARA PENGURUSAN SEKOLAH AGAMA ISLAM

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Maka hendaklah ditubuhkan suatu Sekolah Agama Islam yang akan dikenali dengan nama Nama sekolah.
.....
(nama sekolah agama yang akan didaftarkan) beralamat di Alamat sekolah.
.....
.....
(atau di mana-mana alamat seperti yang didaftarkan oleh Pendaftar).
2. Tujuan-tujuan sekolah ialah untuk memberikan pendidikan dan pengetahuan agama Islam dan mengajar Al-Quran kepada murid-murid, untuk melahirkan murid-murid yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan, dan apa-apa perkara lain yang bersampingan dengannya. Tujuan sekolah.

BAHAGIAN II

JEMAAH PENGURUSAN SEKOLAH

3. Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jemaah Pengurusan bagi sekolah agama yang hendaklah terdiri daripada (sekurang-kurangnya tujuh orang dan tidak lebih daripada tujuh belas orang) anggota-anggota yang berikut: Penubuhan Jemaah Pengurusan.
 - (a) seorang Pengerusi;
 - (b) seorang Timbalan Pengerusi;
 - (c) seorang Setiausaha (Pengetua atau Guru Besar sekolah agama);
 - (d) seorang Penolong Setiausaha;
 - (e) seorang Bendahari;
 - (f) (beberapa orang anggota yang dikehendaki dengan syarat Jemaah hendaklah sentiasa mempunyai sekurang-kurangnya tujuh orang anggota).

Kelayakan anggota Jemaah. 4. (1) Seseorang anggota Jemaah—

- (a) hendaklah seorang yang sempurna akal fikirannya dan berumur tidak kurang daripada 21 tahun;
- (b) hendaklah beragama Islam;
- (c) hendaklah seorang warganegara Malaysia tetapi Pendaftar boleh, menurut budi bicaranya, membenarkan seseorang yang bukan warganegara menjadi anggota;
- (d) bukanlah seorang yang dihukum bankrap; dan
- (e) tidak pernah disabitkan atas apa-apa pertuduhan yang disebut dalam perenggan 6(g).

(2) Mana-mana anggota Jemaah hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan layak untuk dilantik semula.

Persetujuan menjadi anggota Jemaah.

5. Seseorang anggota Jemaah hendaklah terlebih dahulu memberikan persetujuan untuk memegang jawatan yang dipegang olehnya dalam Jemaah.

Jawatan disifatkan sebagai dikosongkan.

6. Jawatan seseorang anggota Jemaah hendaklah dikosongkan—

- (a) apabila dia mati;
- (b) jika dia meletakkan jawatan dengan memberikan notis bertulis yang dialamatkan kepada Setiausaha atau Pengerusi Jemaah dan peletakan jawatannya diterima;
- (c) jika dia meletakkan jawatan sebagaimana yang diarahkan oleh Pendaftar atau sekiranya pelantikannya dibatalkan;
- (d) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Jemaah tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Jemaah;
- (e) jika dia tidak sempurna akal atau dengan cara lain tidak berupaya menjalankan kewajipan-kewajibannya;
- (f) jika dia menjadi bankrap; atau
- (g) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) sesuatu kesalahan mengenai penipuan, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) sesuatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan rasuah; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum pemenjaraan (sama ada hanya pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun.

7. Mana-mana kekosongan dalam Jemaah hendaklah diisi dengan seberapa segera yang mungkin melalui keputusan yang hendaklah diambil dalam mesyuarat Jemaah, dan orang yang dilantik atau dipilih bagi mengisi kekosongan jawatan itu hendaklah memegang jawatan itu untuk baki tempoh jawatan itu.

Kekosongan dalam Jemaah hendaklah diisi dengan segera.

8. Anggota-anggota Jemaah hendaklah menguruskan dan menyenggarakan sekolah agama mengikut peruntukan-peruntukan Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Melaka) 2002, Peraturan-Peraturan Pendaftaran Sekolah-Sekolah Agama Islam (Melaka) 2003 dan peraturan-peraturan lain yang dibuat di bawah Enakmen itu dan surat cara pengurusannya yang diluluskan oleh Pendaftar.

Mengurus sekolah agama mengikut Enakmen.

BAHAGIAN III

MESYUARAT JEMAAH

9. Jemaah hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya empat kali dalam setahun.

Mesyuarat Jemaah.

10. Sesuatu mesyuarat Jemaah hendaklah dipanggil oleh Setiausaha Jemaah melalui notis bertulis sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum mesyuarat itu diadakan, dan notis itu hendaklah dihantar kepada anggota-anggota bersama-sama dengan agenda mesyuarat. Bagaimanapun, tiga orang anggota Jemaah boleh, melalui notis bertulis kepada Setiausaha atau Pengerusi Jemaah, meminta supaya suatu mesyuarat tambahan diadakan.

Setiausaha hendaklah memanggil mesyuarat.

11. Kuorum semua mesyuarat Jemaah hendaklah tidak kurang daripada dua pertiga ($2/3$) daripada bilangan keseluruhan anggota Jemaah.

Kuorum.

12. Dalam mana-mana mesyuarat Jemaah, jika Pengerusi Jemaah tidak hadir, Timbalan Pengerusi Jemaah hendaklah menjadi pengerusi mesyuarat. Jika Timbalan Pengerusi juga tidak hadir, anggota-anggota yang hadir boleh memilih seorang daripada mereka yang hadir untuk mempengerusikan mesyuarat.

Jika Pengerusi tidak hadir mesyuarat.

13. Tiap-tiap persoalan yang hendak diputuskan dalam mana-mana mesyuarat Jemaah hendaklah secara undi majoriti anggota-anggota yang hadir dan jika terdapat undi yang sama banyak, Pengerusi atau Timbalan Pengerusi atau anggota yang mempengerusikan mesyuarat itu hendaklah mempunyai undi pemutus.

Keputusan mesyuarat melalui undi.

14. (1) Setiausaha Jemaah hendaklah bertanggungjawab dalam menguruskan surat-menyurat sekolah agama dan hendaklah memastikan bahawa minit segala mesyuarat Jemaah disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

Surat-menyurat dan minit.

(2) Minit-minit mesyuarat Jemaah hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar selepas satu bulan sesuatu mesyuarat diadakan.

Mesyuarat Agung
Tahunan.

15. (1) Mesyuarat Agung Tahunan sekolah agama hendaklah diadakan pada tiap-tiap tahun antara bulan Januari hingga Mac.

(2) Setiap Mesyuarat Agung Tahunan sekolah agama hendaklah mengandungi agenda yang berikut:

- (a) bacaan doa selamat dan Al-Fatihah;
- (b) ucapan Pengerusi Jemaah;
- (c) pembentangan dan pengesahan minit Mesyuarat Agung Tahunan yang lalu;
- (d) perkara berbangkit;
- (e) pembentangan Penyata Akaun sekolah agama dan Penyata Kewangan sekolah agama bagi tahun lalu dan anggaran pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun semasa;
- (f) perbincangan usul-usul dan cadangan (jika ada); dan
- (g) hal-hal lain.

(3) Satu pertiga daripada ibu dan bapa yang anak mereka belajar di sekolah agama hendaklah membentuk kuorum bagi Mesyuarat Agung Tahunan sekolah agama itu.

(4) Sesuatu keputusan Mesyuarat Agung Tahunan sekolah agama hendaklah dibuat secara sebulat suara atau melalui undi majoriti ibu dan bapa yang hadir.

Penzahiran
kepentingan.

16. (1) Seseorang anggota Jemaah yang mempunyai atau yang memperoleh kepentingan langsung atau tidak langsung dengan sendiri atau menerusi anggota keluarganya berhubung dengan mana-mana perkara yang sedang dibincangkan oleh Jemaah hendaklah menzahirkan kepada Jemaah hakikat dan jenis kepentingannya itu.

(2) Penzahiran di bawah subperenggan (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Jemaah yang dalamnya perkara itu dibincangkan dan, selepas penzahiran itu, anggota itu—

- (a) tidak boleh dikira bagi maksud membentuk kuorum mesyuarat Jemaah; dan
- (b) tidak boleh mengambil bahagian atau hadir dalam mana-mana perbincangan atau keputusan Jemaah,

apabila perkara itu dibincangkan atau diputuskan.

Jemaah boleh
mengundang
orang lain
menghadiri
mesyuarat.

17. Lembaga boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jemaah bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat itu.

18. Tiada apa-apa jua perbuatan yang dilakukan atau apa-apa prosiding yang diambil oleh Jemaah boleh dipersoal atas alasan— Sahnya perbuatan dan prosiding.
- (a) apa-apa kekosongan dalam keanggotaan atau apa-apa kecacatan dalam penubuhan Jemaah;
 - (b) pelanggaran oleh mana-mana anggota Lembaga berhubung dengan penzahiran kepentingan oleh anggota itu; atau
 - (c) apa-apa ketinggalan, kecacatan atau luar aturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

BAHAGIAN IV

YURAN DAN KEWANGAN

19. (1) Yuran hendaklah dikenakan ke atas murid-murid. Yuran.
- (2) Penetapan yuran adalah tertakluk kepada kelulusan Jemaah dan oleh Pendaftar.
- (3) Apa-apa punca pendapatan lain sekolah agama hendaklah ditentukan oleh Jemaah dari semasa ke semasa mengikut kehendak keadaan.
20. (1) Jemaah hendaklah memastikan disimpan dengan sepatutnya akaun dan rekod-rekod kewangan yang lain yang berkaitan dengan Akaun Sekolah Agama dan apa-apa akaun lain sekolah agama itu. Penyimpanan akaun dan rekod kewangan.
- (2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Melaka) 2002, Peraturan-Peraturan Pendaftaran Sekolah-Sekolah Agama Islam (Melaka) 2003 dan peraturan-peraturan lain yang dibuat di bawah Enakmen itu, Akaun Sekolah Agama dan apa-apa akaun lain sekolah agama hendaklah disimpan di sekolah itu oleh Bendahari Jemaah di bawah pengawasan Jemaah atau di mana-mana tempat lain dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diputuskan oleh Jemaah.
21. Adalah menjadi tanggungjawab Jemaah untuk menyebabkan disediakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan sekolah agama bagi setiap tahun kewangan sebelum diluluskan oleh Pendaftar. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran.
22. Akaun sekolah agama hendaklah dibuat sehingga 31 haribulan Disember setiap tahun. Bendahari Jemaah hendaklah menyebabkan disediakan suatu penyata terimaan dan perbelanjaan dan suatu kunci kira-kira bagi tahun itu yang hendaklah dikemukakan kepada Jemaah dan Jemaah hendaklah menyebabkan penyata dan kunci kira-kira itu diaudit oleh juruaudit atau juruaudit-juruaudit yang bertauliah atau juruaudit yang dilantik oleh Jemaah dan yang diluluskan oleh Pendaftar. Akaun sekolah hingga 31 Disember.
23. Bendahari Jemaah hendaklah mengemukakan suatu salinan akaun teraudit kepada Pendaftar tidak lewat daripada 31 Mac tiap-tiap tahun. Pendaftar boleh meminta maklumat atau penerangan lanjut Mengemukakan salinan akaun yang telah diaudit kepada Pendaftar.

mengenai akaun itu atau boleh melantik seorang juruaudit atau juruaudit-juruaudit untuk mengaudit akaun itu sekali lagi itu jika difikirkannya perlu berbuat demikian.

Panjar wang
runcit.

24. Semua wang tunai hendaklah disimpan dalam Bank yang dipilih oleh Jemaah kecuali bahawa Bendahari boleh menyimpan RM500.00 pada satu-satu masa untuk perbelanjaan runcit.

Kuasa
menandatangani
cek.

25. Semua cek yang dikeluarkan hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi, Bendahari dan Setiausaha Jemaah bagi apa-apa amaan yang melebihi RM30,000.00 dan cek yang bernilai kurang daripada itu hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi dan Bendahari atau Setiausaha Jemaah.

BAHAGIAN V

PELANTIKAN JAWATANKUASA

Pelantikan
jawatankuasa.

26. (1) Jemaah boleh dengan persetujuan Pendaftar menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam pelaksanaan kewajipan, fungsi dan perjalanan kuasanya.

(2) Jawatankuasa-jawatankuasa yang hendak ditubuhkan menurut kuasa subperenggan (1) hendaklah termasuk yang berikut:

- (a) Jawatankuasa Pengambilan Pegawai dan Kakitangan;
- (b) Jawatankuasa Tatatertib Pegawai dan Kakitangan;
- (c) Jawatankuasa Pembangunan;
- (d) Jawatankuasa Kewangan;
- (e) Jawatankuasa Kurikulum;
- (f) Jawatankuasa Penilaian dan Peperiksaan;
- (g) Jawatankuasa Ko-kurikulum;
- (h) Jawatankuasa Pengambilan Pelajar;
- (i) Jawatankuasa Tatatertib Pelajar; dan
- (j) Jawatankuasa Kebajikan Pelajar.

(3) Anggota sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subperenggan (1) boleh dilantik daripada kalangan anggota Jemaah atau mana-mana orang lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Jemaah.

(4) Anggota sesuatu jawatankuasa hendaklah memegang jawatan selama apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat pelantikannya dan layak untuk dilantik semula.

(5) Jemaah boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(6) Anggota sesuatu jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan notis secara bertulis kepada pengerusi jawatankuasa itu.

(7) Sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subperenggan (1)—

- (a) hendaklah dipengerusikan oleh seorang anggota Jemaah;
- (b) hendaklah mematuhi dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepadanya oleh Jemaah; dan
- (c) boleh menentukan tatacaranya sendiri.

(8) Jemaah boleh, pada bila-bila masa, menghentikan atau mengubah keanggotaan sesuatu jawatankuasa.

(9) Sesuatu jawatankuasa hendaklah mengadakan mesyuaratnya pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu.

(10) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuaratnya bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

27. Jemaah hendaklah menerima mana-mana guru atau pegawai yang ditempatkan oleh Majlis Agama Islam Melaka atau Kerajaan Negeri Melaka di sekolah agama itu bagi apa-apa tempoh tertentu jika difikirkan perlu atau suai manfaat berbuat demikian oleh Majlis atau Kerajaan Negeri Melaka.

Lembaga
hendaklah
menerima guru,
dan lain-lain.

28. (1) Jemaah boleh membuat, meminda atau membatalkan Surat Cara Pengurusannya.

Tatacara
membuat
pindaan surat
cara pengurusan.

(2) Cadangan untuk membuat Surat Cara pengurusan yang baru atau meminda atau membatalkan Surat Cara Pengurusan yang sedia ada hendaklah disediakan oleh Setiausaha Jemaah dan hendaklah dipersetujui oleh Pengerusi Jemaah.

(3) Sesuatu cadangan untuk mengadakan Surat Cara Pengurusan yang baru atau membuat apa-apa pindaan kepada atau membatalkan Surat Cara Pengurusan yang sedia ada tidak boleh dikemukakan kepada Pendaftar untuk kelulusan melainkan jika cadangan itu terlebih dahulu dibentangkan dalam mesyuarat Jemaah dan diluluskan oleh Jemaah.

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN SEKOLAH-
SEKOLAH AGAMA ISLAM (MELAKA) 2003

Borang C

(Perenggan 3(1)(c))

ANGGOTA-ANGGOTA JEMAAH PENGURUSAN
SEKOLAH AGAMA ISLAM

| <i>Bil.</i> | <i>Nama / Jawatan</i> | <i>Jan- tina</i> | <i>No. K.P atau Pasport</i> | <i>Alamat</i> | <i>Tandatangan</i> |
|-------------|-----------------------|----------------------|---------------------------------|---------------|--------------------|
| 1. | Pengerusi | | | | |
| 2. | Timbalan Pengerusi | | | | |
| 3. | Setiausaha | | | | |
| 4. | Penolong Setiausaha | | | | |
| 5. | Bendahari | | | | |
| 6. | Anggota | | | | |
| 7. | Anggota | | | | |
| 8. | Anggota | | | | |
| 9. | Anggota | | | | |
| 10. | Anggota | | | | |
| 11. | Anggota | | | | |
| 12. | Anggota | | | | |
| 13. | Anggota | | | | |

.....
(Pengerusi)

.....
(Setiausaha)

.....
(Bendahari)

Tarikh:..... Tarikh:..... Tarikh:.....

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN SEKOLAH-
SEKOLAH AGAMA ISLAM (MELAKA) 2003

Borang D

(Peraturan 4)

PERAKUAN PENDAFTARAN SEKOLAH AGAMA ISLAM DAN SURAT
CARA PENGURUSAN

No. Pendaftaran:

Adalah dengan ini diperakui bahawa

yang beralamat di

dan Surat Cara Pengurusan telah didaftarkan di bawah seksyen 7
Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Melaka) 2002.

Nama Pengerusi:

No. Kad Pengenalan/Pasport No.:

Alamat:

Perakuan Pendaftaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat (*)
yang berikut:

1. Sekolah Agama tersebut hendaklah pada setiap masa diuruskan dan disenggarakan mengikut Surat Cara Pengurusan Sekolah, Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Melaka) 2002 Peraturan-Peraturan Pendaftaran Sekolah Agama Islam (Melaka) 2003 dan peraturan-peraturan lain yang dibuat di bawah Enakmen itu.
2. Hendaklah pada setiap masa mematuhi arahan-arahan daripada Pendaftar, Majlis Agama Islam Melaka dan Kerajaan Negeri Melaka.
3. Mengekalkan bilangan minimum pelajar seramai lima belas (15) orang.
4. Mengikuti kurikulum yang ditetapkan/diperakui oleh Majlis Agama Islam Melaka.
5. Bangunan hendaklah telah memenuhi standard keselamatan dan kesihatan yang diperakui oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Kesihatan.

Tarikh:,

.....
Tandatangan Pendaftar

* Tertakluk dengan apa-apa syarat lain yang difikirkan perlu oleh Pendaftar.

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN SEKOLAH-
SEKOLAH AGAMA ISLAM (MELAKA) 2003

Borang E

(Subperaturan 7(2))

PERMOHONAN PERTUKARAN ALAMAT PREMIS ATAU PERUBAHAN
PREMIS SEKOLAH AGAMA ISLAM

Pendaftar
Sekolah Agama Islam
Jabatan Agama Islam Melaka
Melaka

Dengan hormatnya saya mengemukakan permohonan pertukaran alamat premis / perubahan premis sekolah agama yang maklumat-maklumat mengenainya adalah seperti yang dinyatakan di bawah.

2. Disertakan juga bersama-sama ini fi permohonan seperti yang berikut:

- Tadika Islam RM 50.00
- Sekolah Rendah Agama Islam RM 100.00
- Sekolah Menengah Agama Islam RM 150.00

No. Bank Draf:

Nama Bank:

Alamat Bank:

Saya yang benar,

.....
(Tandatangan Pemohon)

Nama penuh:.....

No. Kad Pengenalan:.....

Jawatan:.....

Tarikh:.....

BAHAGIAN I

UNTUK DIISI OLEH JEMAAH PENGURUSAN SEKOLAH AGAMA ISLAM

1. Nama Sekolah Agama Islam:

2. Alamat:

 Poskod:
 No. Telefon: No. Faksimile:
 E-Mel:
3. Maklumat mengenai pendaftaran:
 No. Perakuan Pendaftaran:
 Tarikh pendaftaran:
4. Maklumat mengenai Pengerusi Jemaah Pengurusan Sekolah Agama Islam:
 Nama penuh:
 No. Kad Pengenalan / Pasport:

BAHAGIAN II

JIKA PERMOHONAN ADALAH UNTUK PERTUKARAN
ALAMAT PREMIS

5. Alamat baru premis:
 Poskod :
 No. Telefon: No. Faksimile:
 E-Mel:
6. Maklumat mengenai premis:
 - (i) Jenis premis

| | | |
|---|--|--|
| <input type="checkbox"/> Kampus | <input type="checkbox"/> Kompleks Pejabat | <input type="checkbox"/> Kompleks Membeli Belah |
| <input type="checkbox"/> Rumah Kedai | <input type="checkbox"/> Rumah | |
| <input type="checkbox"/> Lain-lain: | | |

(ii) Maklumat pemunyaan:

Pemunya berdaftar Penyewa

Jika menyewa sila nyatakan:

amaun sewa: RM..... sebulan / setahun*

tarikh mula tempoh penyewaan:

tarikh habis tempoh penyewaan:

nama dan alamat pemunya premis:

.....

.....

(Sila sertakan salinan perjanjian penyewaan)

(iii) Luas lantai premis:

(iv) Luas tapak premis:

(Sila sertakan salinan pelan tapak premis)

7. Butir-butir Mengenai Bilik:

| <i>No. Bilik</i> | <i>Jenis Kegunaan</i> | <i>Ukuran Bilik</i> |
|------------------|-----------------------|---------------------|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

(Sila gunakan kertas berasingan jika ruang yang disediakan tidak mencukupi)

8. Butir-butir Mengenai Kemudahan/Kelengkapan:

| <i>No. Bilik</i> | <i>Jenis Kemudahan/ Kelengkapan</i> | <i>Kegunaan</i> | <i>Jumlah</i> |
|------------------|---|-----------------|---------------|
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

(Sila gunakan kertas berasingan jika ruang yang disediakan tidak mencukupi)

BAHAGIAN III

JIKA PERMOHONAN ADALAH UNTUK PERUBAHAN PREMIS

Sila tanda (/) pada kotak-kotak yang berkaitan

9. Jenis Perubahan

- Tambahan bilangan bilik / bangunan
- Pengurangan bilangan bilik / bangunan
- Perubahan nombor / kegunaan bilik

10. Butir-butir Perubahan:

| <i>Bil.</i> | <i>Bilik / Bangunan Sedia Ada</i> | <i>Bilik / Bangunan Baru</i> |
|-------------|-----------------------------------|------------------------------|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

(Sila sediakan pelan lantai yang sedia ada dan pelan lantai yang baru)

BAHAGIAN IV

PENGAKUAN PEMOHON

Saya

No. Kad Pengenalan..... dengan
 sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa semua pernyataan
 yang terkandung dalam borang permohonan ini dan dokumen-dokumen
 yang disertakan adalah benar sepanjang pengetahuan dan kepercayaan
 saya.

.....
 (*Tandatangan Pemohon*)

Nama :

Jawatan:

Tarikh :

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN SEKOLAH-
SEKOLAH AGAMA ISLAM (MELAKA) 2003

Borang F

(Subperaturan 9(1))

PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN
PERAKUAN PENDAFTARAN GANTIAN

Pendaftar
Sekolah Agama Islam
Jabatan Agama Islam Melaka
Melaka

No. Perakuan
Pendaftaran

Saya memohon untuk mendapatkan gantian bagi Perakuan Pendaftaran Sekolah Agama Islam atas alasan yang berikut:

hilang rosak

2. Disertakan bersama ini fi permohonan sebanyak RM20.00 dan salinan Perakuan Pendaftaran / Perakuan Pendaftaran yang rosak (jika berkaitan).

Saya yang benar,

.....
(Tandatangan Pengerusi Jemaah)

Nama penuh:.....

No. Kad Pengenalan:

Nama Sekolah Agama:

Tarikh:.....

3. Maklumat mengenai Sekolah Agama Islam:

3.1 Kategori

sekolah agama Kerajaan sekolah agama swasta

3.2 Peringkat

tadika rendah
 menengah

3.3 Bidang

- | | | | |
|--------------------------|----------------|--------------------------|-------------------|
| <input type="checkbox"/> | agama (Melayu) | <input type="checkbox"/> | akademik |
| <input type="checkbox"/> | agama (Arab) | <input type="checkbox"/> | teknik/vokasional |
| <input type="checkbox"/> | agama (tahfiz) | | |

3.4 Jenis

- | | | | |
|--------------------------|---------------|--------------------------|-----------------|
| <input type="checkbox"/> | pusat tuisyen | <input type="checkbox"/> | pusat kemahiran |
| <input type="checkbox"/> | asrama | <input type="checkbox"/> | harian |

3.5 Sesi persekolahan

- | | | | |
|--------------------------|---------------|--------------------------|--------|
| <input type="checkbox"/> | pagi | <input type="checkbox"/> | petang |
| <input type="checkbox"/> | pagi & petang | | |

3.6 Jantina

- | | | | |
|--------------------------|-----------------------------|--------------------------|-----------|
| <input type="checkbox"/> | lelaki | <input type="checkbox"/> | perempuan |
| <input type="checkbox"/> | campuran lelaki & perempuan | | |

3.7 Kaedah

- | | | | |
|--------------------------|--------------|--------------------------|--------------|
| <input type="checkbox"/> | sepenuh masa | <input type="checkbox"/> | separuh masa |
|--------------------------|--------------|--------------------------|--------------|

3.8 Bahasa pengantar

- | | | | |
|--------------------------|---------------|--------------------------|-----------------|
| <input type="checkbox"/> | bahasa Melayu | <input type="checkbox"/> | bahasa Inggeris |
| <input type="checkbox"/> | bahasa Arab | | |

3.9 Kurikulum

- | | | | |
|--------------------------|----------------------------|--------------------------|------------|
| <input type="checkbox"/> | Jabatan Agama Islam Melaka | <input type="checkbox"/> | Kebangsaan |
| <input type="checkbox"/> | Lain-lain (nyatakan)..... | | |

3.10 Pembiayaan

- | | | | |
|--------------------------|---------------------------|--------------------------|--------|
| <input type="checkbox"/> | bantuan Kerajaan | <input type="checkbox"/> | swasta |
| <input type="checkbox"/> | Lain-lain (nyatakan)..... | | |

3.11 Nama Pengerusi Jemaah:
 No. Kad Pengenalan:
 Ras :

3.12 No. Perakuan Pendaftaran:
 Tarikh dikeluarkan:

Tarikh:.....

.....
(Tandatangan Pendaftar)

JADUAL KEDUA

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN SEKOLAH- SEKOLAH AGAMA ISLAM (MELAKA) 2003

FI

1. Permohonan pendaftaran-

| | |
|------------------------------|----------|
| (i) Tadika Islam | RM100.00 |
| (ii) Sekolah Rendah Agama | RM150.00 |
| (iii) Sekolah Menengah Agama | RM200.00 |

2. Permohonan untuk menukar alamat premis atau mengubah premis dan membuat perubahan lain

| | |
|------------------------------|----------|
| (i) Tadika Islam | RM50.00 |
| (ii) Sekolah Rendah Agama | RM100.00 |
| (iii) Sekolah Menengah Agama | RM150.00 |

3. Permohonan untuk mendapatkan salinan /gantian—

| | |
|----------------------|---------|
| Perakuan Pendaftaran | RM20.00 |
|----------------------|---------|

JADUAL KETIGA

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN SEKOLAH-
SEKOLAH AGAMA ISLAM (MELAKA) 2003

(Subperaturan 6(1))

DAFTAR SEKOLAH AGAMA ISLAM

No. Daftar

1. Nama sekolah agama Islam
-

| <i>Pindaan</i> | <i>Nama sekolah agama Islam</i> | <i>Tandatangan Pendaftar</i> | <i>Tarikh</i> |
|----------------|---------------------------------|------------------------------|---------------|
| Pertama | | | |
| Kedua | | | |
| Ketiga | | | |

2. Alamat:.....
- Poskod:

| <i>Pindaan</i> | <i>Alamat</i> | <i>Tandatangan Pendaftar</i> | <i>Tarikh</i> |
|----------------|---------------|------------------------------|---------------|
| Pertama | Poskod: | | |
| Kedua | Poskod: | | |
| Ketiga | Poskod: | | |

Dibuat 31 Disember 2002
[JAIM/6/04/26; PUN(M) 353/46/31-1]

DATUK SERI HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
Pengerusi
Majlis Agama Islam Melaka

CONTROL OF ISLAMIC RELIGIOUS SCHOOLS
(MALACCA) ENACTMENT 2002

REGISTRATION OF ISLAMIC RELIGIOUS SCHOOLS
(MALACCA) REGULATIONS 2003

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

Regulation

1. Citation.
2. Interpretation.
3. Application for registration.
4. Certificate of registration.
5. Separate registration for each level of school.
6. Register of religious school.
7. Change of address of premise of religious school.
